



UiTM@Media **2016**

Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Jurutera menara jam Mekah harumkan negara

Oleh **IRMAN HASHIM**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 28 MEI**

KETIKA zaman kanak-kanaknya, Wan Nazri Wan Aria sering mengikuti bapanya yang tinggal di kawasan setingan di Segambut di sini untuk membantu buruh kontrak itu membina rumah.

Namun keadaan itu tidak menghalangnya untuk berjaya dalam bidang akademik sehingga dapat mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan awam di Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebelum melangkah lebih jauh ke Universiti Stuttgart di Jerman serta membina kerjayanya di negara itu.

Nama Wan Nazri Wan Aria, 36, mula dikenali apabila beliau didedahkan sebagai seorang daripada jurutera yang terlibat dalam membina menara jam Abraj al-Bait di Mekah, satu daripada monumen ikonik di Arab Saudi dan antara bangunan tertinggi di dunia, pada 2012.

Anak kedua daripada tujuh beradik dan dibesarkan oleh seorang bapa tunggal itu memberitahu, dia mendapat dorongan dan kekuatan daripada bapanya, Wan Aria Wan Ahmad, 61, selepas kematian ibunya, Che Fatimah Alias pada usia 12 tahun untuk memajukan diri.

Alias pada usia 12 tahun untuk memajukan diri.

“Sejak kecil sehingga melanjutkan pengajian ke UiTM, saya sering mengikut ayah bekerja dan sudah biasa membancuh simen serta menyusun bata.

“Walaupun ayah mungkin tidak faham apa yang saya pelajari di UiTM, namun dia akan memberi dorongan dan mendoakan saya setiap kali menghubunginya apabila tiba waktu peperiksaan,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Wan Nazri berkata, dia mendapat peluang untuk terbabit dalam pembinaan Abraj al-Bait ketika menjadi jurutera di sebuah syarikat kejuruteraan di Jerman pada usia 28 tahun.

“Saya menggunakan ilmu yang dipelajari ketika mengikuti kursus sarjana muda kejuruteraan di UiTM, Shah Alam dan di Universiti Stuttgart selain memastikan saya mahir dengan tiga kod kejuruteraan iaitu standard Britain, Eropah dan Jerman untuk meyakinkan majikan akan kebolehan yang

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

saya dimiliki,” katanya.

Beliau menambah, dia sepatutnya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana ketika ditawarkan terlibat dalam pembinaan Abraj al-Bait tetapi menangguhkannya kerana tawaran membina sesuatu yang ikonik hanya datang sekali dalam seumur hidup.



Sejak kecil sehingga melanjutkan pengajian ke UiTM, saya sering mengikut ayah bekerja dan sudah biasa membancuh simen serta menyusun bata.”

WAN NAZRI WAN ARIA
Jurutera terkemuka



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

